



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WARGA KWP LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH

PUTRAJAYA 16 Oktober 2017 – Seramai 320 warga Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) berikrar bebas rasuah dalam usaha memantapkan integriti dan meningkatkan iltizam warga KWP dalam memerangi rasuah.

2. YB Dato' Dr. Loga Balan Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, turut hadir pada sesi Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini. Lafaz ikrar ini telah diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj Md Ikhsan dan disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil.

3. IBR merupakan satu polisi yang bertujuan untuk mengelakkan konflik kepentingan, serta persepsi negatif antara KWP dengan pihak luar. Ikrar ini juga sebagai satu tindakan bagi memperkukuhkan lagi kebertanggungjawaban setiap warga KWP dalam melaksanakan tanggungjawab serta akuantibiliti dan seterusnya menjauhkan diri dari sebarang perilaku rasuah dan salah guna kuasa.

4. Bagi tahun 2017, KWP telah melaksanakan langkah proaktif dengan memastikan semua warga KWP dan agensi untuk mengemaskini perisytiharaan harta yang bertujuan untuk memantau daripada sebarang pemilikan harta yang diragui. Selain itu, pelbagai program penghayatan keagamaan, program kesedaran rasuah, program bina semangat telah diadakan. Hasil daripada beberapa langkah proaktif ini KWP telah berjaya mengekalkan sifar kes tatatertib di samping mencatatkan 100% warganya tidak mempunyai harta yang meragukan sejak 2014.

5. Dengan termetrainya IBR ini membuktikan usaha membentaras dan memerangi rasuah bukanlah tanggungjawab eksekutif SPRM, tetapi merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh setiap masyarakat, khususnya dalam kalangan warga KWP. Kesungguhan KWP dalam menandatangani IBR akan memacu keorganisasian ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Putrajaya,

16 Oktober 2017